

12 November 2014
UNTUK SIARAN SEGERA



ANUGERAH KESELAMATAN SIBER MALAYSIA 2014 MENGIFTIRAF SUMBANGAN SYARIKAT DAN INDIVIDU MEMPERKASAKAN INDUSTRI KESELAMATAN SIBER

Tujuh (7) kategori anugerah bagi mengiktiraf sumbangan inovasi, komitmen, kepimpinan industri dan pendidikan awam

IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN (12 November 2014) - Anugerah Keselamatan Siber Malaysia 2014 menyaksikan tujuh kategori yang dikurniakan kepada syarikat dan individu atas sumbangan mereka membantu memperkasakan industri keselamatan siber di Malaysia. Anugerah Keselamatan Siber Malaysia merupakan pengiktirafan dan penghargaan tertinggi industri terhadap sumbangan mereka dari segi inovasi, komitmen dan kepimpinan industri, dan juga sumbangan kepada masyarakat umum melalui penyediaan perkhidmatan pendidikan dan kesedaran keselamatan siber sebagai khidmat masyarakat dengan tidak bertujuan untuk mengaut keuntungan.

Anugerah Keselamatan Siber Malaysia (Malaysia Cyber Security Awards) amat dihargai dan menjadi idaman syarikat yang bergiat dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) amnya, dan keselamatan ICT khususnya. Duli Yang Maha Mulia Sultan Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-lah berkenan mencemar duli untuk hadir pada majlis santapan malam gala sempena acara Anugerah, Persidangan dan Pameran – Keselamatan Siber Malaysia 2014 (#CSMACE14). Baginda turut menyampaikan Anugerah yang berprestij ini di majlis gilang-gemilang yang berlangsung pada 12 November 2014 di Casuarina@Meru, Ipoh.

YB Datuk Dr. Ewon Ebin, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dalam ucapannya pada malam gala tersebut, berkata: "Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) adalah sangat penting untuk pembangunan negara. Melalui pembangunan kapasiti STI yang mantap, Malaysia berupaya mencapai kejayaan dalam masa terdekat untuk menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi dengan pembangunan mampan, inklusif dan juga maju dalam bidang saintifik."

"Melalui agensi kami, CyberSecurity Malaysia, kami (MOSTI) amat komited dalam usaha membangun serta menggalakkan pertumbuhan keselamatan ICT melalui pelbagai program. Dengan adanya Anugerah Keselamatan Siber Malaysia ini, kami berharap ia menjadi motivasi kepada organisasi, syarikat /korporat, PKS (SME) dan individu untuk bersaing secara profesional dan optimum dalam skop keselamatan ICT demi kebaikan semua." tambah Datuk Dr. Ewon Ebin

Sementara itu, Pengurus Lembaga Pengarah, CyberSecurity Malaysia, Jeneral Tan Sri Dato' Seri Panglima Mohd Azumi bin Mohamed (Bersara), berkata, "Anugerah Keselamatan Siber Malaysia ini bukan sahaja memberi penghargaan ke atas usaha para profesional keselamatan siber, perusahaan kecil dan sederhana (PKS) tempatan dan juga organisasi global, tetapi ianya juga bertujuan menggalakkan inovasi dan mencetuskan pakatan strategik dalam kalangan industri keselamatan ICT tempatan, dan sekali gus menekankan pentingnya pertumbuhan keselamatan siber dalam landskap ICT Malaysia yang begitu bertenaga dan dinamik. Komponen anugerah CSM-ACE ini akan memberikan pengiktirafan yang sewajarnya kepada individu, sektor swasta (perniagaan) dan sektor perkhidmatan awam yang paling



Securing Our Cyberspace



CyberSecurity Malaysia
(726630-U)



T +603 8992 6888
F +603 8992 6841
H 1 300 88 2999

Corporate Office.
Level 5, Sapura@Mines
No 7, Jalan Tasik
The Mines Resort City
43300 Seri Kembangan
Selangor Darul Ehsan
Malaysia.

www.cybersecurity.my

dikenalil dan inovatif, membantu memperkasakan industri keselamatan siber Malaysia sebagai penyumbang ekonomi negara yang penting atau signifikan."

Kerajaan Negeri Perak sebagai hos dan CyberSecurity Malaysia sebagai pengelola meraikan malam gala dan penyampaian anugerah tersebut bersama 500 - 600 tetamu. Tetamu yang hadir merupakan pegawai jabatan dan agensi kerajaan, NGO, syarikat serta organisasi swasta, pakar dan pengamal keselamatan ICT.

Penerima Anugerah Keselamatan Siber 2014 adalah seperti berikut:-

**CYBER SECURITY PROFESSIONAL OF THE YEAR
(ANUGERAH PROFESIONAL KESELAMATAN SIBER)**

1. YBhg. Dato' Seri George Chang, Vice President Southeast Asia & Hong Kong, Fortinet.
2. Clement Arul, Chief Technology Officer (CTO), MegaFortris & CTO, Kaapagam Technologies

**CYBER SECURITY COMPANY OF THE YEAR
(ANUGERAH SYARIKAT KESELAMATAN SIBER)**

3. BAE Systems Applied Intelligence

**CYBER SECURITY PROJECT OF THE YEAR
(ANUGERAH PROJEK KESELAMATAN SIBER)**

4. Employees Provident Fund (EPF) -Data Loss Prevention

**CYBER SECURITY ORGANIZATION OF THE YEAR
(ANUGERAH ORGANISASI KESELAMATAN SIBER)**

5. Huawei Technologies
6. Technology Park Malaysia

**CYBER SECURITY EDUCATION & TRAINING PROVIDER OF THE YEAR
(ANUGERAH PENYEDIA PROGRAM LATIHAN DAN PENDIDIKAN)**

7. Kaapagam Technologies
8. HeiTech Padu Berhad

**CYBER SECURITY OUTREACH PROVIDER OF THE YEAR
(ANUGERAH PROGRAM CAPAIAN (OUTREACH) KESELAMATAN SIBER)**

9. Cyber Crime & Multimedia Investigation,
Commercial Crime Investigation Department, Royal Malaysia Police (RMP)
10. Girl Guides Association Malaysia (GGAM)

**CYBERSAFE AMBASSADOR OF THE YEAR
(ANUGERAH DUTA PROGRAM CYBERSAFE)**

11. Inspector Mohd Faizal Bin Zainal – Royal Malaysia Police (RMP)
12. Nasri bin Nasir – Galeri Ilmu Sdn Bhd
13. Joyce Ong Choon Kim, Girl Guides Association Malaysia (GGAM)

Anugerah, Persidangan dan Pameran – Keselamatan Siber Malaysia (CSM-ACE) merupakan acara keselamatan siber terbesar di Malaysia. Acara keselamatan siber yang merangkumi 3-dalam-1 elemen iaitu Anugerah, Persidangan dan Pameran bertujuan untuk meningkatkan kebolehpercayaan dan ketahanan infrastruktur maklumat kritikal negara serta privasi, proses perniagaan dan juga misi kerajaan yang lebih terjamin,. Pada tahun ini, CSM-ACE 2014 dianjurkan buat kali pertama di luar Kuala Lumpur dan Perak adalah negeri pertama yang menjadi tuan rumah bagi acara yang bertemakan "Ekosistem Yang Diyakini dan Terjamin Selamat".

*Issued by Outreach & Corporate Communications Department, CyberSecurity Malaysia. Email media@cybersecurity.my
. Tel: +603 8992 6888 ext. 6978 for Mr. Mohd Shamil Mohd Yusoff or ext. 6977 for Ms. Sandra Isnaji.*